



JABATAN AIR SABAH

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat untuk membuat tawaran bagi Perolehan Kerja berikut:-

No. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kod/Bidang Bekalan/Perkhidmatan	Harga Dokumen & Tempat Bayaran	Taraf Sebutharga
JAS/TNM/09/2026/01(S)	Kerja-Kerja Penggantian Paip Jenis MSCL Bersaiz 100MM di Kampung Entabuan Padang, Tenom	1. Berdaftar dengan PUKONSA KELAS E sahaja yang masih SAH tempoh pendaftaran, TAJUK IV, TAJUK KECIL 6(a) (Pemasangan Sesalur Air) DAN 2. Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih SAH DAN 3. Mempunyai Lesen Pemasang Paip/Lesen Pemasang Sesalur yang dikeluarkan oleh JANS DAN 4. Memegang STATUS BUMIPUTERA yang masih SAH	RM30.00 Pembayaran Hendaklah dibuat: Secara tunai Kepada Penerima Pembayaran: Kaunter Pungutan Hasil, Jabatan Air Daerah Tenom	Terbuka kepada syarikat yang beralamat di Daerah Tenom SAHAJA.
Tarikh , Tempat & Masa Bagi Lawatan Tapak & Taklimat		Tarikh : 02.09.2026 (Rabu) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Jabatan Air Tenom <u>Nota:</u> 1. Penyebutharga WAJIB hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada penyebutharga yang gagal menghadiri Taklimat atau Lawatan tapak Sebutharga pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut. 2. Hanya penama yang dinamakan di dalam sijil / PUKONSA sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat atau Lawatan Tapak Sebutharga bagi kerja ini. 3. Penyebutharga WAJIB membawa cop syarikat semasa taklimat atau lawatan tapak sebutharga bagi kerja ini.		

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Sebutharga	:	<u>02.09.2026 – 09.09.2026 (Tempoh = 8 hari)</u> Isnin - Khamis : 8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 petang Jumaat: 8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang
Tarikh dan Masa Tutup	:	<u>09.09.2026 (Rabu, Jam 10.00 Pagi)</u>
Tempat memasukkan Dokumen Sebutharga	:	PETI SEBUTHARGA JABATAN AIR DAERAH TENOM

1. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada:

1.1 **Pemilik** atau wakil yang sah sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Sebutharga bagi pihak syarikat (**PUKONSA**).

2. Dokumen-dokumen berikut adalah **WAJIB** dikemukakan semasa membeli Dokumen Sebutharga:

2.1 Sijil-sijil asal **PUKONSA, PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB DAN SIJIL STATUS BUMIPUTERA** yang masih **SAH** tempoh pendaftaran pada tarikh tutup sebut harga.

2.2 salinan sijil-sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 yang belum disahkan (tidak akan dikembalikan); dan

2.3 salinan kad pengenalan

2.4 Borang taklimat atau lawatan tapak sebutharga yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Jurutera Daerah atau Wakil yang ditauliahkan.

3. Bagi pemilik Lesen PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

a) Nama **Pemilik Syarikat** yang telah **DISAHKAN** oleh pihak **PUKONSA**.


b) Resit **ASAL** Penjelasan Pembayaran kelulusan.

4. Dokumen Meja Sebutharga boleh disemak dan Dokumen Sebutharga boleh diperolehi semasa waktu Pejabat di:-

**PEJABAT JABATAN AIR
JABATAN AIR DAERAH TENOM**

5. Semua Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan sebutharga dan dialamatkan kepada:

**SETIAUSAHA
JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
PEJABAT JABATAN AIR
JABATAN AIR BAHAGIAN KENINGAU**



**JURUTERA AIR DAERAH
JABATAN AIR DAERAH TENOM**